

UM - 13/5/2006

Daya saing Malaysia naik lima tangga

KUALA LUMPUR 12 Mei - Tahap daya saing Malaysia meningkat sebanyak lima anak tangga ke tempat ke-23 pada tahun ini, mengatasi beberapa negara maju utama termasuk Jerman, Perancis dan Korea Selatan.

Menurut laporan World Competitiveness Yearbook (WCY) 2006, Malaysia berada di tempat ke-23 di kalangan 61 buah negara ekonomi berbanding tempat ke-28 tahun lalu.

Prestasi negara ini adalah lebih baik berbanding beberapa negara besar seperti Jerman yang mendapat tempat ke-26, Thailand kedudukan ke-32, Perancis (35), Korea Selatan (38) dan Itali (56).

Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)

yang menjadi rakan institut penerbit WCY, International Institute For Management Development (IMD) berkata, kemajuan di dalam faktor kecekapan kerajaan dan perniagaan masing-masing berada di tempat ke-20 manakala infrastruktur ke-31.

Bagi faktor prestasi ekonomi, Malaysia menduduki tempat ke-11 manakala eksport barangan tempat ketiga.

Bagi imbangan akaun semasa, nisbah perdagangan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kadar pengangguran, negara mendapat tempat keempat manakala jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan meningkat pada

kedudukan kelima.

Kedudukan Malaysia juga meningkat ke tempat keempat dan ke-32 bagi sub faktor Perdagangan Antarabangsa dan Pelabuhan Antarabangsa.

Dari segi kecekapan kerajaan, Malaysia berjaya meningkatkan tahap kedudukan daya saing dan menunjukkan keberkesanan dalam usaha jentera pentadbiran serta sistem penyampaian.

"Ini termasuklah usaha-usaha mengurangkan birokrasi dengan memudahkan sistem, prosedur dan penggunaan pengukuran indikator prestasi (KPI)," kata laporan itu.

Malaysia juga mencatatkan peningkatan

dalam bidang penguatkuasaan Kastam, kontrak sektor awam, transaksi antarabangsa dan subsidi.

Kedudukan daya saing Malaysia juga meningkat dalam kategori perolehan KDNK, populasi dan wilayah.

Bagi kategori populasi penduduk melebihi 20 juta, Malaysia berada di tempat kelapan di kalangan 30 ekonomi.

Untuk KDNK per kapita kurang daripada AS\$10,000, Malaysia berada di tempat ketiga di kalangan 25 ekonomi manakala di dalam kategori wilayah Asia Pasifik Malaysia, negara di kedudukan kelapan di kalangan 15 ekonomi.